

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL**
KAWASAN : **PENDANG**
TARIKH : **10.6.2014 (SELASA)**
NO. SOALAN : **91**

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah harga sebenar bagi 1 ton gula (FOB) yang diimport, dari negara mana gula diimport dan syarikat utama yang mengimport.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Harga gula mentah yang diimport ke negara ini bergantung kepada harga gula mentah di pasaran dunia dan beberapa faktor *fundamental* (penawaran dan permintaan) serta spekulatif di pasaran komoditi dunia. Pada masa kini harga gula mentah yang diimport adalah dalam lingkungan RM1,052/tan metrik hingga RM2,202/tan metrik (FOB). Bekalan gula mentah ini diimport dari Brazil, Australia, Thailand dan India oleh pengilang gula bertapis tempatan yang berlesen untuk tujuan pengeluaran gula bertapis bagi memenuhi keperluan gula bertapis di pasaran tempatan termasuk kepada sektor isi rumah dan industri.

Syarikat pengilang gula bertapis tempatan adalah Malayan Sugar Manufacturing Co. Bhd., Central Sugars Refinery Sdn. Bhd., Gula Padang Terap Sdn. Bhd. dan Kilang Gula Felda Perlis Sdn. Bhd.